



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

KOMIK BABAP BOI #1: KUASA DI LUAR DUGAAN!

Komik M mempersembahkan karya terbaru pekomik Froggypapa, *Babap Boi #1: Kuasa Di Luar Dugaan!* Froggypapa adalah antara pelukis komik yang aktif. Beliau pernah terlibat dengan pembikinan komik Anak-anak Sidek dan bekerja sebagai animator di beberapa buah syarikat animasi. Kini bertugas sebagai pelukis komik sepenuh masa. Antara karya-karya popular yang beliau hasilkan bersama Komik M adalah seperti siri komik ikon bola sepak, *Super Safee*, *Dunia Kartun : Lawak Orang Bujang*, *Budak Kombo*, dan *Budak Komik*.

Babap Boi #1: Kuasa Di Luar Dugaan! ialah satu lagi karya beliau yang bakal popular. Mengisahkan tentang seorang anak istimewa yang mempunyai kuasa yang menggerunkan. Ini kerana, sesiapa sahaja yang memandang matanya pasti akan menangis teresak-esak tanpa sebarang sebab. Tidak pasti sama ada kuasa itu satu penyakit ataupun satu kelebihan, namun kuasa itu telah melahirkan seorang lagi adiwira, Babap Boi.

Ikuti episod pertama kisah menarik ini kerana sepanjang 112 halaman, pembaca pasti akan tersenyum dan ketawa.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Publicist

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my